Rujukan: UKM PPI/224/7
Tarikh: 18 Mei 2016

**PEKELILING CRIM BIL. 10/2016**

**Dekan/Pengarah**

- Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
- Fakulti Ekonomi dan Pengurusan
- Fakulti Pengajian Islam
- Fakulti Pendidikan
- Fakulti Undang-Undang
- Fakulti Sains dan Teknologi
- Fakulti Teknologi dan Sains Maklumat
- Fakulti Kejuruteraan dan Alam Bina
- Fakulti Perubatan
- Fakulti Pergigian
- Fakulti Sains Kesihatan
- Fakulti Farmasi
- Pusat Perubatan Universiti Kebangsaan Malaysia
- UKM-Graduate School of Business (UKM-GSB)
- Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA)
- Institut Alam Sekitar dan Pembangunan (LESTARI)
- Institut Kajian Malaysia dan Antarabangsa (IKMAS)
- Institut Kejuruteraan Mikro dan Nanoelektronik (IMEN)
- Institut Perubatan Molekul (UMBI)
- Institut Perubahan Iklim (IPI)
- Institut Biologi Sistem (INBIOSIS)
- Institut Penyelidikan Tenaga Suria (SERI)
- Institut Sel Fuel (SELFUEL)
- Institut Islam Hadhari (HADHARI)

- Institut Kajian Etnik (KITA)
- Institut Informatik Visual (IVI)
- Institut Telinga, Pendengaran & Pertuturan (HEARS)
- Pusat Citra Universiti (CITRA)
- Pusat PERMATApintar Negara
- Pusat Pemerkasaan Remaja (PERKASA)
- UKM-Pusat Pembangunan Keusahawanan & EKS (UKM-CESMED)
- Pusat Kepimpinan Wanita Tun Fatimah Hashim

YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Prof.,

**Pekeliling CRIM Bil. 10/2016: Senarai Aktiviti Penyelidikan Untuk Tujuan e-Mohon Persidangan (eMP)**

Dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas, sukacita dimaklumkan bahawa Mesyuarat Pengurusan CRIM Bil. 3/2016 pada 15 April 2016 telah bersetuju membincangkan semula senarai aktiviti penyelidikan yang perlu dikemaskini dalam permohonan e-MP.

Sehubungan dengan itu, berikut disampaikan keputusan yang telah dipersetujui pada mesyuarat tersebut iaitu semua aktiviti penyelidikan seperti yang dinyatakan di bawah yang menggunakan peruntukan projek penyelidikan hendaklah membuat permohonan dan mendapatkan kelulusan CRIM terlebih dahulu melalui sistem eMP. Aktiviti penyelidikan tersebut ialah:

i. Bengkel Kumpulan Penyelidikan
ii. Wacana/Simposium/Forum/Persidangan Meja Bulat
iii. Persidangan
iv. Pameran Penyelidikan
v. Kolaborasi Penyelidikan
vi. Kerja Lapangan
vii. Sangkutan Penyelidikan

Berkaitan dengan itu, bermula pada 21 April 2016 semua permohonan e-Tiket dan SPKLN yang menggunakan peruntukan projek penyelidikan hanya boleh dijana selepas status permohonan eMP 'diluluskan'.

Sehubungan dengan ini, YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Prof. dimohon untuk memaklumkan pekeliling ini kepada pengurusan dan penyelidik di bawah seliaan YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Prof.

Sebarang pertanyaan mengenai perkara ini sila hubungi pegawai CRIM Puan Roslina Rosli (Ketua Pegawai Penyelidik Sosial) di talian 03- 89215027/89118515 atau melalui email r.rosli@ukm.edu.my.

Kerjasama YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Prof. berhubung perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian dimaklumkan.

Terima kasih.

Yang benar,

**PROF. DR. MUHAMMAD FAUZI MOHD. ZAIN**
Pengarah
Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Instrumentasi

s.k.

- YBhg. Prof. Dato' Dr. Mazlin Mokhtar
  Timbalan Naib Canselor (Hal-ehwal Penyelidikan dan Inovasi)

- Pengarah Eksekutif Pentadbiran UKM

- Pengarah Eksekutif Kewangan UKM

- Pengarah Pusat Teknologi Maklumat UKM